



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 2/1973**

*Umur Dewasa Di Bawah Akta 98 Akta (Pembahagian)
Harta Pusaka Kecil 1955 (Pindaan-1972)*

Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian iaitu Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil 1955 yang telah dipinda oleh Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil (Pindaan dan Pengeluasan) 1972 telah digantikan sekarang dengan Akta 98 – Small Estates (Distribution) Act 1955 (Revised – 1972). Akta Pindaan (Revised) ini berjalan berkuatkuasanya pada 1hb November, 1972.

2. Dalam Akta Pindaan (Revised) ini, perkataan 'minor' tidak ditafsirkan dan oleh yang demikian peruntukan-peruntukan di bawah Akta 21 – Akta Umur Dewasa 1971 hendaklah dipakai. Orang yang belum cukup umur yang dimaksudkan oleh Akta 98-Small Estates (Distribution) Act 1955 (Revised – 1972) ialah orang yang kurang daripada 18 tahun umurnya.
3. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 3/71 dengan ini dibatalkan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 212/1971

Kuala Lumpur,
10hb Mac, 1973